

Headline	AmInvest positif pelaburan TNB		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 May 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	18
ArticleSize	88 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,440		



AmInvest positif pelaburan TNB

KUALA LUMPUR 10 Mei - AmInvest Bank menyambut baik pengumuman Tenaga Nasional Bhd. (TNB) yang melabur sebanyak AS\$300 juta (RM1.2 bilion) bagi mengambil alih 30 peratus pegangan dalam syarikat tenaga India, GMR Energy Limited (GEL).

Firma penyelidikan itu berkata, ia melihat langkah tersebut merupakan satu cara bag TNB memperluaskan perniagaannya ke peringkat antarabangsa susulan penstabilan perniagaan domestik di bawah mekanisme pemulihan pelepasan kos tidak seimbang (ICPT) yang memastikan kestabilan pendapatan.

"Sumbangan pendapatan daripada pelaburan tersebut mungkin minimum pada ketika ini, bagaimanapun kami mengekalkan saranan

'Beli' ke atas saham-saham TNB kerana percaya permintaan bagi elektrik kekal tinggi terutama dalam keadaan cuaca panas ketika ini yang turut menyumbang kepada peningkatan permintaan tenaga," katanya dalam nota kajian di sini hari ini.

Semalam, firma tenaga itu mengumumkan kemasukannya ke dalam sektor tenaga yang sedang berkembang pesat di India selepas menandatangani perjanjian langganan (SA) dan perjanjian pemegang saham (SHA) dengan GEL.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd. berkata, tindakan itu memenuhi semua kriteria pelaburan kerana berikutan potensi amat besar dan menawarkan nilai yang ketara.